

Ekonomi, Berita Harian

August 11, 2006

KPJ tinjau peluang manfaat projek SJER

KPJ Healthcare Bhd (KPJ) sedang meninjau peluang yang boleh diraih kumpulan itu daripada pembangunan projek Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER).

Pengerusinya, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, berkata oleh kerana kesihatan adalah antara sektor yang turut diberikan perhatian dalam pembangunan projek SJER, ia sudah tentunya akan memberikan manfaat kepada KPJ.

"Antara lain, kerajaan mahu menjadikan SJER pusat kesihatan serantau dan sebagai peserta utama industri itu, sudah tentu kami mahu turut meraih manfaat.

"Kami sedang menilai peluang

itu," katanya selepas penyenaian dana amanah pelaburan hartanah (Reit) KPJ, Al-Aqar KPJ Reit di Bursa Malaysia, Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir.

“Kerajaan mahu menjadikan SJER pusat kesihatan serantau”

Muhammad Ali Hashim
Pengerusi KPJ Healthcare Bhd

Al-Aqar KPJ Reit memulakan dagangan sulungnya di Papan Utama Bursa Malaysia semalam dengan meraih premium pembukaan empat sen.

Saham dana itu dibuka pada harga 99 sen berbanding harga tawarannya 95 sen dengan sejumlah 3.08 juta unit saham bertukar tangan.

Mengulas kadar premium itu, Muhammad Ali berkata, ia masih baik jika mengambil kira sentimen pasaran yang kurang menggalakkan ketika ini.

Beliau yakin Al-Aqar KPJ Reit mempunyai prospek cerah dalam jangka panjang memandangkan portfolio hartanahnya dalam sektor ke-

sihatan mampu menjana pendapatan yang stabil.

"Reit juga masih baru di Malaysia dan tentu ia mengambil masa menarik perhatian pelabur," katanya.

Pada akhir urus niaga semalam, saham Al-Aqar KPJ Reit ditutup turun lima sen kepada 98.5 sen.

Sepanjang urus niaga semalam, saham Reit itu mencatatkan harga tertinggi 99.5 sen dan terendah 92 sen dengan sejumlah 16.01 juta saham bertukar tangan.

Muhammad Ali berkata, kumpulan itu sedang menimbang untuk menambah portfolio hartanah Al-Aqar KPJ Reit.